

MAHATHIR-PATONG 1979

ALOR SETAR, 25 MEI (BERNAMA) — TIMBALAN PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGECEM PERBUATAN SE-GOLONGAN ORANG-ORANG ISLAM YANG MEMUSNAHKAN PATONG-PATONG DI BEBERAPA BUAH KUIL DI NEGARA INI.

KATANYA, PERBUATAN ITU BUKAN SAHAJA BERLAWANAN DENGAN AJARAN ISLAM TETAPI JUGA BOLEH MENIMBULKAN PERMUSUHAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI.

BERUCAP MERASMIKAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU DI JENAN, DEKAT SINI, TIMBALAN PERDANA MENTERI BERKATA GOLONGAN ITU MENGGUNAKAN TAFSIRAN AGAMA YANG SILAP UNTUK KEPENTINGAN BEBERAPA ORANG PEMIMPIN GOLONGAN TERSEBUT.

KATANYA, MENGIKUT GOLONGAN ITU SESIAPA YANG DAPAT MEMUSNAHKAN PATONG-PATONG DI KUIL-KUIL AKAN TERUS MASUK KE SYURGA WALAUPUN SEBELUM ITU MEREKA TELAH MELAKUKAN PERKARA-PERKARA YANG BERLAWANAN DENGAN AJARAN ISLAM.

PENDAPAT ITU TELAH PUN MEREBAK KE BEBERAPA TEMPAT DALAM NEGARA INI DAN TELAH MEMBAWA AKIBAT YANG AMAT BURUK KEPADA BEBERAPA ORANG YANG MEMPUNYAI FAHAMAN TERSEBUT BARU-BARU INI.

— BERSAMBUNG 1415/SZ

MAHATHIR-PATONG 2 ALOR SETAR

MENURUT DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA TIMBALAN PRESIDEN UMNO MALAYSIA DAN KETUA UMNO BAHAGIAN KUBANG PASU, TUJUAN GOLONGAN TERSEBUT MENYEBARKAN AJARAN YANG SALAH ITU TALAH UNTUK MENIMBULKAN PERSELISIHAN FAHAM SERTA PERMUSUHAN ANTARA KAUM DI NEGARA INI.

APABILA PERMUSUHAN KAUM ITU BERLAKU MAKA PEMIMPIN-PEMIMPIN MEREKA AKAN MENDAPAT FAEDAH DARI SEGI POLITIK YANG AKAN MENAIKKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN TERSEBUT MENJADI PEMIMPIN YANG BERPENGARUH DI NEGARA INI.

BELIAU LALU MENINGATKAN AHLI-AHLI UMNO BAHAWA SELAIN DARI KEGIATAN POLITIK, MEREKA JUGA BERTANGGUNGJAWAB MEMBERI PENERANGAN TENTANG AJARAN ISLAM YANG SEBENARNYA.

TEGASNYA, +DALAM UMNO KITA INGIN MENGGUNAKAN KUASA DAN KEKUATAN KITA UNTUK KEPENTINGAN NEGARA DAN INI DAPAT DILAKUKAN KERANA UMNO BUKAN SAHAJA BERKUASA TETAPI JUGA MERUPAKAN SEBUAH PARTI YANG KUAT DAN KUKUH SERTA MEMPUNYAI PERSEFAHAMAN YANG ERAT DENGAN KUMPULAN-KUMPULAN LAIN DALAM MCA DAN MIC. +

BELIAU SELANJUTNYA MENYERU ORANG-ORANG ISLAM SUPAYA MENJALANKAN KEGIATAN DAKWAH UNTUK MENGEKEMBANGKAN AGAMA ISLAM MENGIKUT CARA-CARA YANG DIBAWA OLEH NABI MUHAMMAD IAITU MENERUSI PENERANGAN DAN BUKAN KEKERASAN. — BERSAMBUNG 1417/SZ

EE

B540

MAHATHIR-PATONG 3 ALOR STAR

USAHA SEPERTI ITU TERBUKTI BERKESAN DI NEGARA INI DI MANA ANTARA 400 HINGGA 500 TAHUN LALU ORANG-ORANG MELAYU YANG TIDAK BERAGAMA TELAH MEMELUK AGAMA ISLAM MELALUI PENERANGAN-PENERANGAN YANG DIBERI OLEH PENDAKWAH-PENDAKWAH ISLAM DARI NEGERI-NEGERI ARAB DAN INDIA.

SEBALIKNYA, ORANG-ORANG PORUGIS YANG MENGGUNAKAN KEKERASAN TELAH GAGAL UNTUK MENARIK ORANG-ORANG MELAYU DI MELAKA DAHULU UNTUK MENGANUT AGAMA KRISTIAN.

KATANYA, PENDAKWAH-PENDAKWAH ISLAM PATUTLAH MENGAMBIL CONTOH DARI KEDUA-DUA CARA MENDAKWAH YANG DILAKUKAN OLEH ORANG-ORANG ISLAM DARI ARAB DAN INDIA ITU DAN ORANG-ORANG PORTUGIS. — BERNAMA 1420/SZ

45